

Headline	REHDA yakin kempen HOC mampu atasi masalah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 May 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	5	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	213 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,080
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,240



## REHDA yakin kempen HOC mampu atasi masalah

**Kuala Lumpur:** Kerjasama awam-swasta melalui Kempen Pemilikan Rumah (HOC) mampu menyelesaikan isu kediaman siap yang tidak terjual di negara ini.

Presiden Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Datuk Ir Soam Heng Choon, berkata pihaknya yakin kempen yang bakal memasuki tempoh dua bulan terakhir ini akan terus mendapat sambutan menggalakkan berikutan potongan harga menarik yang ditawarkan pemaju.

Katanya, seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan, Lim

Guan Eng pada Jumaat lalu, lebih RM9 bilion projek membabitkan 13,000 unit kediaman berjaya didaftarkan di bawah kempen berkenaan.

### Kumpul data

"Justeru, kami akan kumpulkan data (daripada HOC) sehingga akhirnya yakin kempen yang bakal berakhir akhir Jun ini dan kemudian akan melaporkan berapa unit rumah sudah terjual. Setakat ini, kami lihat sambutan (terhadap HOC) adalah menggalakkan.

"Orang ramai akan ambil masa untuk buat keputusan (beli ru-



Soam Heng Choon

mah), kita masih ada dua bulan lagi, justeru berilah peluang kepada mereka untuk memahami skim ini terlebih dulu dan (selepas itu) dalam tempoh satu, dua bulan lagi kita akan keluarkan laporan yang lebih terperinci (mengenai HOC)," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian ditanya mengenai Laporan Pasaran Harta Tanah Malaysia 2018 semalam yang menyatakan unit kediaman siap dibina tidak terjual pada tahun lalu meningkat sebanyak 30.6 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Ditanya sama ada HOC akan di-

lanjutkan selepas ia berakhir, Heng Choon berkata, pada masa ini REHDA tidak meminta ia dilanjutkan kerana mahu melihat keberkesanan kempen berkenaan terlebih dulu.

"Selepas itu, barulah kita akan bincang dengan pihak kerajaan (sama ada perlu dilanjutkan atau tidak)," katanya.

Mengenai Laporan Pasaran Harta Tanah Malaysia 2018, Heng Choon berkata pihaknya akan meneliti laporan berkenaan sebelum dapat membuat rumusan lebih mendalam.